

> Perdana Menteri prihatin

K LUANG: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua agensi kerajaan pada peringkat pusat dan negeri memberi kerjasama yang terbaik bagi melicinkan jentera bantuan kepada mangsa banjir.

Beliau yang melahirkan rasa sedih dan keprihatinan terhadap mangsa banjir di Johor, Pahang,

Negeri Sembilan dan Melaka menghubungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak malam kelmarin.

Najib berkata, Perdana Menteri menghubunginya dari Caracas, Venezuela dan berharap segala bantuan yang ingin disampaikan akan dapat dilaksanakan dengan segera.

21 jalan di Melaka ditutup

J ASIN: Sebanyak 21 jalan di negeri ini ditutup kepada lalu lintas berikutan banjir termasuk di Kilometer 173.1 hingga 173.2 Lebuhraya Utara Selatan.

Ketua Polis Negeri, Datuk Ayub Yaakob, berkata daripada jumlah itu, 11 jalan di daerah Melaka Tengah ditutup membabitkan Jalan Peringgit ke Lapangan Ter-

bang Batu Berendam; Jalan Seri Aman-Pengkalan Batu; Jalan Kampung Sungai Nibong-Sungai Putat; Jalan Tun Fatimah; Jalan Taman Merdeka dan Jalan Datuk Seri Mohd Zain (berhadapan Pasar Borong MBMB).

Jalan lain termasuk Jalan Cheng Ria, bulatan Malim, Jalan IKS, Jalan Abadi dan Jalan Maju Jaya.